

Tan Sri Profesor Emeritus Dr. Abdul Shukor Husin: Kajian Biografi Ringkas

KAMARUDIN SALLEH & LIYANA MUSTAFA¹

Pendahuluan

Abdul Shukor Husin merupakan salah seorang sarjana, ulama dan akademik Malaysia yang berwibawa terutamanya dalam bidang kepakaran beliau iaitu akidah Islam. Beliau mendapat pengiktirafan oleh pelbagai pihak di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Abdul Shukor Husin merupakan ahli akademik yang sangat berjasa dalam bidang keilmuan dan pentadbiran serta menyumbangkan begitu banyak kepakaran dalam pelbagai disiplin khususnya akidah. (Muhammad Haji Alias, Zulkiple, Syahirah, Sapora Sipon & Hariza 2012:15).

Artikel ringkas ini berusaha memperkenalkan dan membentangkan biografi atau biodata tokoh ini yang meliputi beberapa aspek berikut; kelahiran, asal-usul dan latar belakang keluarga, jawatan dan aktiviti organisasi, pendidikan dan perkhidmatan dan, jasa serta sumbangan tokoh. Secara umum sejak dahulu lagi setiap tokoh dan para ulama tidak lepas dari persekitaran atau bi'ah yang ia lahir, membesar, bekerja dan seterusnya dalam memberikan respons dan tindakbalas pemikiran atau pentadbiran. Jadi, tokoh yang dibicarakan ini juga banyak bergelumbang dengan keadaan persekitaran hidupnya sehingga mampu memberikan pandangan yang bernas terutamanya dalam aspek akidah Islam sesuai dengan konteks Malaysia. Pada bahagian ini, penulis akan menerangkan secara jelas berkenaan topik-topik yang disebutkan, di mana topik ini akan dipecahkan kepada beberapa bahagian.

Asal-Usul dan Latar Belakang Keluarga

Abdul Shukor dilahirkan pada tanggal 10 April 1942 di Kampung Tebing Tinggi, Jerantut, negeri Pahang. Bapa beliau dikenali sebagai Haji Husin bin Said manakala ibu beliau bernama Mariam binti Haji Taha. Haji Husin merupakan seorang guru agama kampung dan Hajah Mariam pula ialah seorang suri rumah tangga. Haji Husin juga seorang ahli perniagaan kecil-kecilan di kampungnya dan pernah pergi ke luar negara termasuk Makkah (Abdul Shukor, 2018). Ayah Abdul Shukor, iaitu Haji Husin berkahwin buat kali kedua dengan seorang wanita yang bernama Hajah Aishah binti Haji Bedul. Perkahwinan tersebut berlangsung setelah isteri Haji Husin, iaitu ibu Abdul Shukor menghembuskan nafas terakhir pada tahun 1969. Setelah ibu kandung Abdul Shukor iaitu Hajah Mariam meninggal dunia, Abdul Shukor dikurniakan seorang adik tiri yang bernama Maaishah (Abdul Shukor, 2018). Haji Husin mempunyai lima orang adik beradik dan kesemua daripada mereka adalah lelaki, iaitu selain daripada Haji Husin ialah Haji Mohd Kasim bin Said, Haji Jaafar bin Said, Haji Abd Moin bin Said dan Haji Mohd Taib bin Said. Hal ini menunjukkan bahawa Abdul Shukor hanya mempunyai empat orang bapa saudara serta dan tidak mempunyai ibu saudara sebelah bapa (Abdul Shukor, 2018).

Ibu kandung Abdul Shukor, Hajah Mariam turut mempunyai lima orang adik beradik iaitu Haji Mohd Amin bin Taha, Hajah Wok Halijah, Ismail bin Taha, dan Haji Yusof bin Taha. Oleh itu, dapat difahami bahawa Abdul Shukor mempunyai tiga bapa saudara dan seorang ibu saudara sebelah ibu. Ibu Abdul Shukor berasal daripada keluarga yang agak sederhana di mana ayahnya, Haji Taha iaitu datuk Abdul Shukor mempunyai binatang-binatang ternakan, tanah sawah dan kebun getah (Abdul Shukor, 2018). Abdul Shukor mempunyai lima adik-beradik keseluruhannya dan beliau merupakan

¹ Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Email: dins@ukm.edu.my

anak kedua dalam keluarga. Beliau mempunyai seorang kakak, dua adik perempuan dan seorang adik lelaki. Kakak Abdul Shukor bernama Hajah Yuhaniz, manakala adik lelaki beliau digelar sebagai Haji Abas, dan dua adik perempuan pula masing-masing bernama Roziah dan Maaishah (Abdul Shukor, 2018).

Isteri Abdul Shukor Husin

Abdul Shukor mempunyai seorang isteri yang bernama Ramah Haji Abdul Manan, iaitu seorang anak kelahiran Singapura. Hasil perkahwinan dengan Puan Sri Datin Hajah Ramah, mereka dikurniakan empat cahaya mata dan kesemuanya adalah perempuan. Nama-nama yang diberikan kepada keempat-empat puteri beliau ialah Syahirah, Syaimak, Syadiyah dan Syadwa. Sejarah perkahwinan, bermulanya perkenalan antara Abdul Shukor dan isterinya adalah apabila beliau mula menginap di sebuah rumah yang disewa, iaitu berhampiran dengan rumah milik keluarga Ramah yang terletak di Jalan Pisang, Singapura. Perkenalan mereka semakin serius setelah kedua-duanya menyambung pelajaran di Universiti al-Azhar pada tanggal 1969 (Abdul Shukor, 2018).

Abdul Shukor berkahwin dengan isterinya ketika mereka berdua sedang melanjutkan pelajaran di Mesir. Majlis bersejarah itu berlangsung pada Oktober 1971 yang mana majlis tersebut diurus oleh Persatuan Pelajar Melayu Republik Arab Mesir dan Gabungan Pelajar-Pelajar Asia Tenggara. Sewaktu itu, Abdul Shukor ditugaskan untuk mengurus pelajar-pelajar baru yang melanjutkan pengajian di Mesir kerana beliau memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung Persatuan. Bermula dari situlah Abdul Shukor mengenali Hajah Ramah dengan lebih dekat dan akhirnya mengambil keputusan untuk berkahwin (Abdul Shukor, 2018).

Isteri Abdul Shukor mempunyai lapan adik-beradik dan dia merupakan anak kedua daripada keluarga besar tersebut. Di peringkat sekolah rendah, Hajah Ramah merupakan seorang pelajar di Madrasah al-Saggaf dan Madrasah al-Ma'arif al-Islamiyah yang terletak di Singapura. Di peringkat sekolah menengah pula, Hajah Ramah kemudiannya meneruskan pengajian di Maahad Johor. Bermula tahun 1969, Hajah Ramah menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi, iaitu ijazah sarjana muda dalam bidang Syariah di Universiti al-Azhar, Mesir.

Pada tahun 1973, Hajah Ramah berjaya menghabiskan pengajiannya dalam bidang Syari'ah dengan mendapat ijazah sarjana muda (Abdul Shukor, 2018). Setelah pulang ke Malaysia, Hajah Ramah diberi kepercayaan untuk memikul amanah sebagai pensyarah dalam bidang Pendidikan Islam di Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam. Sebelum menjadi pensyarah, Hajah Ramah pernah menjadi seorang pendakwah bebas. Setelah berkesempatan mengikut Abdul Shukor yang sedang menyambung pengajian di Mesir, Hajah Ramah tidak melepaskan peluang keemasan ini dengan turut menyambung pelajaran, iaitu Diploma Pendidikan bagi *Kulliyah Lil Banat*, Universiti al-Azhar, Mesir. Selepas itu mereka berdua bersama anak-anak pulang ke Malaysia, Hajah Ramah sekali lagi diberi kepercayaan untuk berkhidmat, iaitu sebagai pendidik di Pusat Matrikulasi Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Namun begitu, Hajah Ramah akhirnya bersara daripada berkhidmat sebagai seorang pendidik bermula tahun 2003 (Abdul Shukor, 2018).

Anak-Anak Abdul Shukor Husin

Hasil perkahwinan Abdul Shukor bersama isteri tercinta, iaitu Puan Sri Ramah Abdul Manan, mereka dikurniakan empat orang cahayamata perempuan. Nama-nama yang diberikan kepada mereka adalah hampir sama antara satu sama lain, iaitu Syahirah Abdul Shukor, Syaimak Abdul Shukor, Syadiyah Abdul Shukor dan Syadwa Abdul Shukor. Syahirah merupakan anak pertama, Syaimak anak kedua, Syadiyah anak ketiga dan Syadwa merupakan anak bongsu (Abdul Shukor, 2018).

Dalam menempuh pengajian di peringkat menengah, keempat-empat anak Abdul Shukor bersekolah di sekolah aliran agama atas pilihan mereka sendiri. Hal yang demikian kerana mereka amat meminati bidang agama serta pengajian Bahasa Arab. Tiga anak perempuan Abdul Shukor, iaitu terdiri daripada Syahirah Abdul Shukor, Syadiyah Abdul Shukor dan Syadwa Abdul Shukor

memasuki sekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Maahad Hamidiah, Kajang. Selain itu, Syahirah Abdul Shukor dan Syaimak Abdul Shukor pernah dihantar bersekolah di salah satu sekolah yang terdapat di Mesir (Abdul Shukor, 2018).

Sewaktu usia belasan tahun dan meniti zaman remaja, keempat-empat anak Abdul Shukor mengakui pelbagai karenah timbul daripada mereka sendiri. Namun begitu, dalam usaha untuk menjadi ibu bapa yang terbaik, Abdul Shukor dan isteri tidak pernah jemu-jemu untuk memberikan sepenuh perhatian dan kasih sayang kepada mereka (Abdul Shukor, 2018).

Jawatan dan Aktiviti Organisasi: Malaysia

Antara jawatan yang pernah disandang oleh Abdul Shukor ialah Naib Pengerusi Akademi Fiqh Sedunia sebagai wakil daripada Malaysia pada tahun 2004 sehingga sekarang, Pengerusi Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) bermula pada tahun 2005 sehingga sekarang, Ahli Lembaga Tabung Haji pada tahun 2005 sehingga kini, Ahli Lembaga International Shariah Research for Islamic Finance (ISRA), Bank Negara Malaysia, 2008 sehingga 2011; Ahli Lembaga Pengarah Universiti Islam Antarabangsa Madinah (2010 sehingga sekarang; Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI), Jabatan Perdana Menteri, 2005 sehingga sekarang; Pengerusi Lajnah Tashih (Lembaga Semakan Pakar), Tafsir Pedoman Muttaqin Terbitan JAKIM, 2007 sehingga sekarang; Pengerusi Panel Syariah Kumpulan Silver Bird Berhad, 2008 sehingga 2011 (Abdul Shukor, 2018).

Abdul Shukor merupakan Ahli Lembaga Pengurus Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), 1995 sehingga sekarang; Ahli Lembaga Penasihat Syariah KFC bermula pada tahun 1987 sehingga 1991; Ahli Jawatankuasa Petugas Khas Kolej Islam Darul Ridzuan pada tahun 2004; Ahli Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 1995 sehingga sekarang; Ahli Lembaga Akademik Kolej Islam Selangor sehingga 1999, Ahli Jawatankuasa Saham Wakaf Negeri Pahang pada tahun 1998.

Seterusnya, Abdul Shukor juga pernah memikul amanah sebagai Pengerusi Panel Akidah, Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri sehingga 1988; Ahli Jawatankuasa Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah sehingga 1998; Pengerusi Jawatankuasa Struktur Kurikulum Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam bermula pada tahun 1985 sehingga 1986; Ahli Lembaga Penasihat Pendidikan Islam (LEPAI) Jabatan Perdana Menteri sehingga 1998; Ahli Jumaah Pengelola Kuliah Sultan Abu Bakar Pekan Pahang sehingga sekarang; Ahli Jawatankuasa Pendidikan Islam Majlis Ugama Islam Negeri Pahang sehingga sekarang; Pengerusi Jawatankuasa Terjemahan Hadith Sohih al-Bukhari, Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri sehingga 2000; Ali Jawatankuasa Penilaian Semula Kertas Syariah dan Usuluddin (STPM) Majlis Peperiksaan Malaysia bermula pada tahun 1989 sehingga tahun 1990; Pengerusi Jawatankuasa Istilah Islam Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur bermula tahun 1986 sehingga tahun 1992 (Abdul Shukor, 2018). Selain itu, Abdul Shukor juga telah diamanahkan untuk memegang jawatan sebagai Pengerusi Panel Syariah Lembaga Tabung Haji, 2010 sehingga sekarang; Ahli

Lembaga Penasihat Pensijilan Halal Malaysia, JAKIM; Ahli Badan Perunding Islam Jabatan Perdana Menteri, 2007 sehingga sekarang; Ahli Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Pahang, 1989 sehingga sekarang; Ahli Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Negeri Pahang, 1989 sehingga sekarang; Pengerusi Panel Kajian Sosial Umat Islam Malaysia, Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri sehingga 1998; Ahli Jawatankuasa Kecil Kelayakan Sastera dan Sains Kemasyarakatan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kuala Lumpur, sehingga tahun 1988 (Abdul Shukor, 2018).

Jawatan Peringkat Universiti di Malaysia

Setelah Abdul Shukor berjaya memegang ijazah sarjana dalam bidang Aqidah dan Falsafah Islam pada tahun 1973, beliau pulang ke Malaysia. Pada tahun 1974, Abdul Shukor bekerja sebagai guru sementara di Sekolah Menengah Tinggi Agama Pekan selama tujuh bulan sahaja. Beliau kemudiannya

diberi tanggungjawab untuk memikul amanah sebagai penolong pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beberapa tahun berkhidmat sebagai penolong pensyarah, Abdul Shukor seterusnya dilantik sebagai pensyarah di fakulti tersebut bermula pada tahun 1977. Pada tahun 1980, Abdul Shukor selaku pensyarah biasa telah dinaikkan pangkat yang lebih tinggi, iaitu sebagai profesor madya dan Ketua Jabatan Usuluddin dan Falsafah (Abdul Shukor, 2018).

Sebelum memulakan jawatan sebagai Ketua Jabatan Usuluddin dan Falsafah di Fakulti Pengajian Islam, Abdul Shukor berkhidmat sebagai Pemangku Ketua Jabatan tersebut pada tahun 1976 dan 1977. Atas faktor kecemerlangan dalam menjalankan tugas serta kesungguhan yang ditunjukkan, beliau kemudiannya diberi kepercayaan dalam dunia kepimpinan akademi iaitu menjadi Ketua Jabatan Usuluddin dan Falsafah pada tahun 1980 sehingga 1981. Pelbagai arus dan cabaran yang perlu ditempuhi beliau sepanjang tempoh perkhidmatan tersebut. Bukti kecemerlangan Abdul Shukor menerajui kepimpinan dalam dunia akademik tidak terhenti di situ kerana beliau sekali lagi dilantik memegang jawatan Dekan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1985 sehingga 1987. Pada tahun 1992, beliau menjawat jawatan Dekan Fakulti buat kali kedua sehingga 31 Mei 1998. Hal ini cukup membuktikan bahawa pencapaian yang digapai oleh Abdul Shukor sangat membanggakan pihak Fakulti Pengajian Islam UKM ketika itu (Abdul Shukor, 2018).

Pada tahun 1993, Abdul Shukor mendapat pengiktirafan selaku Profesor yang sangat diimpikan oleh mereka yang berkecimpung dalam bidang akademi di sesebuah institusi. Untuk sampai ke tahap itu, beliau tidak pernah mengenal erti lelah untuk Berjaya kerana usaha yang dilakukan beliau cukup terserlah (Abdul Shukor, 2018).

Penglibatan Abdul Shukor dengan beberapa jawatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga cukup terserlah apabila beliau pernah menjadi Ahli Mesyuarat Pengurusan Universiti Malaysia; Pengerusi Lembaga Pengajian Siswazah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia; Pengerusi Jawatankuasa Perhubungann Luar Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia; Pengerusi Panel Peperiksaan Sarjana dan Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia; Ahli Senat Universiti Kebangsaan Malaysia; Ahli Lembaga Temu Duga Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia; Ahli Jawatankuasa Induk Anugerah Pengajar Cemerlang, Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1985; Ketua Editor Jurnal Islamiyat, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (1978-1981); Ahli Jawatankuasa Kemajuan Akademik Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam dan Pengerusi Jawatankuasa Seminar Islam di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi ASEAN 1989 (Abdul Shukor, 2018).

Abdul Shukor juga diberi kepercayaan untuk menjadi penilai kepada penulisan tesis atau satu program. Hal yang demikian kerana beliau telah dipilih untuk menjadi Penilai Luar dan Pemeriksa Tesis M.A. dan Ph. D. di pusat-pusat pengajian Malaysia. Contohnya seperti Penilai Luar bagi Pengajian Islam Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada tahun 1997. Seterusnya, beliau tidak ketinggalan untuk menjadi Penilai Luar Kenaikan Pangkat Prof. Madya dan Profesor di beberapa Institusi Pengajian Tinggi seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), dan Universiti Utara Malaysia (UUM) bermula pada tahun 1997 (Abdul Shukor, 2018).

Abdul Shukor juga diakui kemahirannya dalam pelbagai bidang ilmu yang cukup luas. Oleh itu, beliau juga diamanahkan untuk menjadi Pensyarah Jemputan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 1978; Pensyarah Sambilan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya bermula pada tahun 1991 sehingga 1994, pensyarah Jemputan Universiti Brunei Darussalam (1995), Pensyarah Jemputan Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang pada tahun 1986 (Abdul Shukor, 2018).

Selain itu, Abdul Shukor turut menggalas tanggungjawab sebagai "External Examiner For The First Degree Programmes" di Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1997; Ahli Kumpulan Panel Pakar Standard Badan Pengajian Islam Agensi Kelayakan Malaysia (MQA); Panel Khas menilai Jurnal Bahasa Arab Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); Ahli Lembaga Penasihat Jurnal Ahli Sunnah Wal Jamaah di Kolej Universiti Perguruan Agama Brunei dan Ahli Lembaga Penasihat Jurnal Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM) (Abdul Shukor, 2018).

Penyertaan Seminar dan Persidangan

Abdul Shukor juga tidak ketinggalan untuk menghadiri pelbagai seminar dan persidangan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Antara senarai seminar dan persidangan yang pernah disertai beliau termasuklah: 1. Persidangan Ulama ASEAN anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri 2. Seminar Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-2 3. Seminar Antarabangsa Pengajian Islam di Asia Tenggara bertempat di Universiti Bruni Darussalam 4. Persidangan Menghadapi Abad 21 Reformasi dan Cabaran Umat Islam Serantau 5. Persidangan Meja Bulat Cendekiawan Muslim Malaysia 2007 6. Seminar On The Role and Influence of Religions in Society bawah anjuran Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM) 7. Seminar Peranan Intelek di dalam Konteks Pembangunan Negara bawah anjuran Jabatan Agama Islam Negeri Pahang Darul Makmur 8. Seminar Serantau Mufti & Fatwa, Multaqa Ulama Islam Peringkat Kebangsaan anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) 9. Seminar Pendidikan Anjuran Kerajaan Negeri Terengganu 10. Seminar Nadwah Islam Antarabangsa 11. Seminar Perguruan anjuran Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur 12. Seminar Ketua-Ketua Pusat Pengajian Tinggi dan Bahasa Arab bawah anjuran Islamic Education, Scientific and Cultural Organisation (ISESCO)

Jawatan dan Aktiviti Organisasi: Mesir

Sepanjang tempoh pengajian di bumi Mesir, Abdul Shukor tidak hanya memberikan sepenuh perhatian terhadap syarahan ilmu sahaja, malah beliau juga tidak melepaskan peluang untuk melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti persatuan dan kemasyarakatan. Bagi beliau, kesemua penglibatan aktiviti sosial sebegini adalah sangat penting untuk menambahkan lagi pengalaman serta ilmu baharu selain daripada ilmu yang diperolehi sewaktu sesi pembelajaran di dalam kuliah (Abdul Shukor, 2018).

Disebabkan Abdul Shukor sudah berpengalaman dengan penglibatan aktiviti sosial sebegini sewaktu menimba ilmu di Madrasah Aljunied, beliau juga ingin terus berbakti di peringkat Universiti. Tambahan pula, rakan-rakannya turut menyokong dari belakang agar beliau dapat memegang jawatan tinggi dalam kepimpinan persatuan. Atas dasar kepercayaan ini, Abdul Shukor dipilih untuk memegang jawatan sebagai ahli Jawatankuasa Agung Persatuan, Setiausaha Agung Persatuan, Ketua Badan Kesenian dan Timbalan Yang Dipertua bagi Persatuan Pelajar Melayu Republik Arab Mesir. Oleh itu, Abdul Shukor banyak terlibat dengan pengurusan pelajar baru, kebajikan, kesihatan dan tempat penginapan mereka. Bukan itu sahaja, Abdul Shukor turut dilantik menjadi Setiausaha Agung Solidariti gabungan pelajar-pelajar Asia Tenggara (Abdul Shukor, 2018).

Antara rakan Abdul Shukor yang turut melibatkan diri dengan persatuan bersama beliau termasuklah Awang Pun Sibun, Puan Saodah, Abdul Raif Dalip, Mohamad Nakhaie Ahmad, Balqis, Zawawi Ahmad, Mahmud Zuhdi, Anuar Zainal Abidin, Zainal Abidin Abdul Kadir, Syed Isa Semait dan banyak lagi (Abdul Shukor, 2018).

Pendidikan: Malaysia

Di peringkat awal pendidikan, Abdul Shukor bersekolah di sebuah sekolah yang terletak di sebuah pendalaman iaitu Sekolah Melayu Tebing Tinggi, bermula ketika beliau menduduki darjah satu sehingga darjah enam. Abdul Shukor mula berdaftar sebagai pelajar ketika usia beliau mencecah lapan tahun, iaitu pada tahun 1950-an (Abdul Shukor, 2018).

Disebabkan Abdul Shukor berasal daripada keluarga yang agak sederhana, beliau terpaksa memakai pakaian biasa dan tidak mempunyai pakaian khas untuk ke sekolah. Pelbagai rintangan yang dihadapi beliau ketika dalam perjalanan ke sekolah memandangkan kemudahan jalan raya masih belum ada sewaktu itu (Abdul Shukor, 2018). Sekolah tersebut boleh dikatakan agak dhaif

kerana binaannya hanya diperbuat daripada papan dan buluh, tiada bekalan elektrik dan selalu ditenggelami banjir ketika musim tengkujuh kerana kedudukannya yang terletak agak hampir dengan Sungai Pahang (Abdul Shukor, 2018).

Tidak tertumpu kepada pembelajaran akademik sahaja, Abdul Shukor juga mengikuti kelas pengajian al-Quran dan pembelajaran agama di Sekolah Melayu Tebing Tinggi pada waktu petang. Abdul Shukor boleh dikatakan antara pelajar yang sangat menonjol minatnya terhadap pendidikan Islam. Selain itu, Abdul Shukor merupakan salah seorang pelajar yang cukup cemerlang sewaktu kecil kerana beliau sering menduduki tempat pertama di dalam kelas (Abdul Shukor, 2018).

Setelah menghabiskan pengajian di peringkat sekolah rendah, Abdul Shukor berasa sangat bersyukur dan bertuah kerana ditawarkan untuk menyambung pelajaran pada peringkat menengah di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK). Disebabkan beberapa faktor, Abdul Shukor terpaksa akur dan menerima ketentuan takdir bahawa beliau tidak mampu untuk belajar di sana kerana keadaan hidup keluarga beliau yang begitu sederhana dan berasal dari kampung. Jika tetap diteruskan pengajian di sana, pelajaran beliau dibimbangi terkesan kerana kebanyakan pelajar yang mendapatkan pendidikan di sana terdiri daripada golongan berada. Tambahan pula, keluarga Abdul Shukor ingin melihat beliau berbakti dalam bidang agama pada suatu hari ini sehingga menjadi tokoh yang dikagumi (Abdul Shukor, 2018).

Di peringkat menengah, Abdul Shukor mendapatkan pendidikan di Sekolah Menengah Agama Tinggi Pekan, Pahang. Setelah beberapa tahun berada di sana, beliau kemudiannya meneruskan pengajian di Madrasah Aljunied yang terletak di Singapura (Abdul Shukor, 2018). Madrasah Aljunied merupakan sebuah sekolah yang agak masyhur sewaktu itu kerana ramai dalam kalangan pelajar mereka yang berjaya menjadi tokoh agama yang fasih berbahasa Arab. Madrasah itu juga sangat berjasa dalam menjadikan Abdul Shukor sebagai seorang yang mampu menguasai pengetahuan yang berasaskan ilmu keduniaan dan ukhrawi (Abdul Shukor, 2018).

Menurut Ustaz Makson, Abdul Shukor mendaftarkan diri sebagai pelajar madrasah Aljunied bermula pada 21 September 1958 sehingga 9 Mac 1962. Bukan hanya pada peringkat sekolah rendah, Abdul Shukor juga merupakan seorang pelajar cemerlang sewaktu menduduki sekolah menengah kerana beliau sering mendapat tempat pertama atau kedua di dalam kelas yang mempunyai 15 orang pelajar atau lebih. Bukan hanya itu pencapaian yang diperolehi Abdul Shukor, malah beliau pernah menjadi juara pidato dan debat dalam pertandingan di peringkat sekolah Singapura (Abdul Shukor, 2018). Atas faktor bukan penduduk tempatan Singapura, Abdul Shukor memilih untuk tinggal di rumah Sheikh Haji yang dianggap sebagai keluarga angkat oleh pelajar-pelajar di sana. Abdul Shukor akan pulang ke kampung beliau yang terletak di Pahang sekali setahun, iaitu selama sebulan tempoh cuti persekolahan yang berlangsung pada bulan Ramadhan. Pada kesempatan itu, Abdul Shukor tidak melepaskan peluang untuk bekerja dan membantu perniagaan ayah beliau (Abdul Shukor, 2018).

Setelah Abdul Shukor menghabiskan pengajian di Madrasah Aljunied pada awal tahun-60an, beliau bercadang untuk menyambung pengajian di Kolej Islam Malaya yang terletak di Klang. Namun begitu, hasrat Abdul Shukor untuk mendapatkan pendidikan di sana tidak kesampaian kerana beliau menghadapi masalah pengangkutan. Dalam memulakan perjalanan ke kolej tersebut, Abdul Shukor tidak sempat menaiki kereta api sehinggakan beliau terpaksa membatalkan niat untuk ke sana (Abdul Shukor, 2018).

Walaupun hasrat Abdul Shukor untuk meneruskan pencarian ilmu di Kolej Islam Malaya yang merupakan satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi Islam di negara tidak tercapai, hal ini tidak sesekali mematahkan semangat beliau untuk terus mencari ilmu. Abdul Shukor kemudiannya mempunyai hasrat untuk menyambung pengajiannya di salah satu universiti yang agak masyhur iaitu Universiti Al-Azhar, Mesir. Namun begitu, untuk mencapai sesuatu perkara yang diimpikan bukanlah sesuatu yang mudah. Hal yang demikian kerana Abdul Shukor terpaksa menghadapi beberapa halangan sebelum memulakan perjalanan ke Mesir. Salah satunya, ahli keluarga Abdul Sukor agak keberatan untuk membenarkan beliau menyambung pengajian di Universiti Al-Azhar

disebabkan masalah kewangan yang perlu dihadapi oleh beliau selama berada di sana nanti (Abdul Shukor, 2018).

Disebabkan Abdul Shukor merupakan seorang yang kental, beliau yakin bahawa Allah akan mempermudah urusan bagi mereka yang benar-benar ikhlas dalam mencari ilmu di jalan-Nya. Abdul Shukor sangat bertuah kerana terdapat ramai sanak-saudara dan penduduk kampung yang terus-menerus memberikan semangat selain daripada membantu beliau dari sudut kewangan. Akhirnya, impian Abdul Shukor untuk ke Universiti Al-Azhar kesempaian setelah beliau berjaya mengumpulkan kos perjalanan (Abdul Shukor, 2018). Pada awal tahun 1964, Abdul Shukor bertolak ke Mesir dan sesampainya di sana, beliau menginap di Asrama Pelajar-Pelajar Luar. Disebabkan Madrasah Aljunied masih belum diiktiraf oleh Universiti Al-Azhar, beliau masih tidak layak untuk menududuki tahun pertama di Universiti tersebut. Oleh itu, Abdul Shukor terpaksa menempuh pengajian di Maahad Al-bucuth Al-Islāmiyyah terlebih dahulu selama dua tahun (Abdul Shukor, 2018).

Pendidikan: Mesir

Pada tahun 1966, Abdul Shukor telah memasuki tahun pertama Fakulti Usuluddin, Universiti Al-Azhar di Kaherah dan menamatkan pengajian beliau dalam masa 4 tahun. Pada September tahun 1971 pula, Abdul Shukor menyambung pengajian beliau pada peringkat master di Universiti Al-Azhar sehingga berjaya memperoleh ijazah sarjana dalam bidang Aqidah dan Falsafah Islam pada tahun 1973 (Abdul Shukor, 2018).

Sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat master, Abdul Shukor juga menyambung pelajarannya dalam bidang pendidikan di Universiti Ain Shams pada bulan September 1971 dan berhasil memperoleh Diploma Pendidikan dengan kepujian (Abdul Shukor, 2018).

Pada akhir tahun 1981 pula, Abdul Shukor meneruskan pengajian beliau ke peringkat PhD dan berjaya mendapat ijazah doktor falsafah dalam bidang Aqidah dan Falsafah Islam pada tahun 1984. Oleh itu, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Abdul Shukor menghabiskan masa di Mesir untuk mendalami ilmu Aqidah dan Falsafah Islam melebihi 10 tahun yang mana akhirnya beliau berjaya memperoleh ijazah sarjana muda, diploma pendidikan, sarjana dan doktor falsafah (Abdul Shukor, 2018).

Pengiktirafan

Atas jasa dan pengorbanan Abdul Shukor, beliau mendapat pengiktirafan daripada pelbagai pihak malah memperoleh anugerah darjah tertinggi yang mana penganugerahan ini hanya diberikan kepada mereka yang benar-benar layak sahaja. Pada tahun 1993, Abdul Shukor mendapat gelaran Dato" sewaktu majlis penganugerahan pingat Diraja Mahkota Pahang (DIMP). Dua tahun selepas mendapat pengiktirafan sebagai Dato", iaitu pada tahun 1995 pula, Abdul Shukor kemudiannya mendapat pingat Johan Setia Mahkota (JSM) daripada Yang di-Pertuan Agong. Pengiktirafan kepada Abdul Shukor tidak terhenti di situ sahaja kerana beliau dianugerahkan Darjah DSNS dan memperoleh gelaran Dato' oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 2006. Pada bulan Jun tahun 2010, Abdul Shukor menerima anugerah Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (P.S.M) daripada Yang Di-Pertuan Agong sewaktu Majlis Sambutan Hari Keputeraan SPB Yang DiPertuan Agong sehingga beliau digelar dengan gelaran Tan Sri (Abdul Shukor, 2018).

Selain daripada itu, Abdul Shukor mendapat pengiktirafan yang cukup bermakna dalam bidang pendidikan atas usaha dan kerja keras beliau sepanjang menceburi bidang ini. Pada tanggal 4 Ogos 2010, Abdul Shukor memperoleh gelaran Profesor Emeritus daripada pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sewaktu Majlis Konvokesyen Ke-8 USIM. Sebelum itu, beliau terlebih dahulu menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengajian Islam) bersempena Majlis Konvokesyen Ke-38 Universiti Kebangsaan Malaysia (Abdul Shukor, 2018).

Di samping itu, Abdul Shukor bukan sahaja menerima pengiktirafan dalam bidang pendidikan dan anugerah mahkota sahaja, malah pengiktirafan beliau turut diakui oleh pihak yang menceburi bidang keagamaan. Pada tanggal 27 November 2011, Abdul Shukor dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) sewaktu Majlis Sambutan Maal Hijrah 1433H/2011. Semasa majlis tersebut berlangsung, anugerah disampaikan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XIII, Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah Al-Haj. Anugerah Tokoh Maal Hijrah dikurniakan kepada Abdul Shukor atas jasa dan pengorbanan yang tidak terkira beliau dalam mempertahankan syiar Islam yang benar. Selain Abdul Shukor, terdapat juga seorang lagi yang dinobatkan sebagai tokoh Maal Hijrah tetapi pada peringkat antarabangsa iaitu Menteri Haji Arab Saudi Dr Fouad Abdul Salam. Selain daripada mendapat anugerah sebagai tokoh, Abdul Shukor juga diberikan sejumlah wang tunai, cenderahati, pingat dan sijil (Abdul Shukor, 2018).

Jasa Dan Sumbangan

Penubuhan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Memang tidak dapat dinafikan bahawa terlalu banyak sumbangan Abdul Shukor dalam pelbagai bidang. Namun begitu, usaha beliau untuk mempertahankan pendidikan agama di sesebuah Institusi juga patut dibanggakan. Abdul Shukor merupakan antara individu yang cukup merasakan dirinya bertanggungjawab untuk mengesyorkan penubuhan Universiti Islam milik Kerajaan Malaysia bagi meneruskan legasi ilmu Islam agar terus diperkembangkan. Universiti yang dimaksudkan di sini ialah Universiti Sains Islam Malaysia. Sewaktu Abdul Shukor bertugas sebagai Dekan Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), beliau menyerahkan kertas kerja sebanyak tiga halaman iaitu sebagai cadangan kepada Yang Berusaha Dato[”] Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak ke arah penubuhan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Ketika Abdul Shukor menyerahkan kertas cadangan tersebut, Yang Berusaha Dato[”] Seri Mohd Najib merupakan Menteri Pendidikan Malaysia sewaktu itu (Abdul Shukor, 2018).

Abdul Shukor berpeluang menyerahkan kertas cadangan setelah selesainya perasmian bagi pembukaan Seminar Usuluddin Peringkat Antarabangsa oleh Yang Berusaha Dato[”] Seri Mohd Najib. Seminar ini diadakan bawah anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tujuan utama kertas cadangan ini diserahkan adalah untuk menubuhkan sebuah Universiti Islam milik kerajaan. Antara tujuan penting lainnya yang digariskan dalam kertas cadangan tersebut termasuklah “meningkatkan kualiti pendidikan Islam dan membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara, menyahut hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan akademik termasuk pengajian Islam, dan mengurangkan penghantaran pelajar dan pengaliran pertukaran asing ke luar negara” (Abdul Shukor, 2018).

Cadangan yang diberikan oleh Abdul Shukor adalah berdasarkan pemerhatian dan penelitian sebenar beliau terhadap keadaan semasa pendidikan dan pengajian Islam di Malaysia. Berdasarkan pemerhatian tersebut, maka muncullah idea beliau untuk mengesyorkan kerajaan agar membuka peluang yang lebih luas kepada para pelajar sekolah aliran agama pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi di dalam negara serta mengurangkan pertukaran asing ke luar negara. Semua ini dapat direalisasikan menerusi penubuhan Universiti Islam milik Kerajaan Malaysia. oleh itu, peluang pengajian bagi pelajar sekolah agama tidak terbatas kepada bidang agama sahaja apabila mereka menjejakkan kaki ke alam universiti.

Selain itu, Abdul Shukor berpendapat perlunya penubuhan Universiti Islam milik Kerajaan kerana kecelaruan pemikiran masyarakat dalam memahami apa itu pendidikan Islam. Mereka menganggap pendidikan Islam itu hanya merujuk kepada Syariah, Fiqh, Usuluddin dan sebagainya. Namun begitu, pendidikan Islam yang sebenarnya tidak hanya tertumpu kepada ilmu sebegini sahaja malah terangkum juga dalam ilmu yang mencakupi pelbagai bidang. Menurut beliau, pemahaman

masyarakat tentang pendidikan Islam yang hanya terhad kepada bidang agama sahaja sudah lama dipegang walaupun rakyat Malaysia sudah mencapai kemerdekaan negara semenjak 50 tahun yang lepas. Berdasarkan wawancara Abdul Shukor dalam Prospect Malaysia Issue, beliau berkata, "Masyarakat cepat untuk melabel sesuatu sebagai Islamik dan yang lain tidak Islamik". Oleh itu, anjakan paradigma semula perlu untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap pendidikan Islam atau dikenali sebagai Islamic Studies, iaitu dengan tertubuhnya Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) (Abdul Shukor, 2018).

Dalam merangka dan menyediakan kertas cadangan penubuhan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Abdul Shukor memilih untuk membentuk jawatankuasa serta menjadi pengerusi yang akan mengetuai ahli jawatankuasa yang lain. Pelbagai usaha yang dilakukan oleh Abdul Shukor untuk menyediakan program akademik yang terbaik bagi USIM (Abdul Shukor, 2018). Cadangan Abdul Shukor untuk menubuhkan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mendapat sambutan dan sokongan daripada Yang Amat Berusaha Perdana Menteri sewaktu itu, iaitu YAB Tun Dr. Mahathir. Hal yang demikian kerana YAB Tun Dr. Mahathir cukup bersetuju dengan sistem universiti tersebut yang memberi penekanan kepada penguasaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris serta penumpuan juga diberikan kepada bahasa Melayu (Abdul Shukor, 2018).

Antara sebab lain yang membawa kepada penubuhan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ialah atas dasar falsafah USIM itu sendiri iaitu "paduan antara ilmu naqli dan aqli yang disertakan dengan budi pekerti yang mulia". Falsafah ini mampu membawa kepada perkembangan generasi cemerlang dan masyarakat berilmu. Hal ini jelas terbukti adanya kelainan antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan institusi pengajian tinggi (IPT) lain yang terdapat di Malaysia sehinggakan YAB Tun Dr. Mahathir sendiri mengakuinya dan meluluskan akan penubuhannya pada tahun 1997 (Abdul Shukor, 2018).

Penulisan Karya

Terdapat begitu banyak karya penulisan yang pernah dihasilkan oleh Abdul Shukor yang merangkumi aspek akhlak, syariah dan akidah. Karya tersebut didatangkan dalam pelbagai bentuk seperti buku-buku ilmiah, artikel-artikel dalam Jurnal dan pelbagai lagi. Antara karya masyhur Abdul Shukor yang terdiri daripada artikel ialah: Al-Quran Sumber Tasawwuf (Terjemahan) RUHANIYAT, Pusat Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (Mac 1991); Kritik-Kritik Ulama Fiqah Terhadap Aliran Tasawwuf (Terjemahan) RUHANIYAT, Pusat Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (Disember 1990); Pengertian Tajdid dalam Islam, UMMAH (November 1991); Matlamat Pemikiran Muhammad Abduh, UMMAH (Mac 1992); Kemunduran Umat Islam (Menurut Muhammad Abduh), UMMAH (Mei 1992); "Wahyu Membimbing Akal", AL-MAUIZAH, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (1986); Wahyu Menurut al-Quran, AL-MAUIZAH, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (1986); Manhaj al-Mutakkallimin Wa al-Falasifah al-Muslimin Fi al-Istidlal ala al-Aqidah, ISLAMIYYAT, jld.8, Universiti Kebangsaan Malaysia (1988); Peranan Intelek dan Skopnya, ASPIRASI, Persatuan Mahasiswa, Universiti Kebangsaan Malaysia (1989), dan; Ilmu Syariah Zahir dan Batin, RUHANIYAT, Pusat Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (Disember 1990)

Antara buku-buku yang ditulis Abdul Shukor termasuklah: al-Nubuwwah Baina al-Aqli wa al-Naqli. Bangi: Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia (1984); Tajdid dan Reformasi Islam Menurut Perspektif Mohammad Abduh (terjemahan) Penerbit al-Rahmaniah (1987); Tamadun Islam dan Ideologi-Ideologi Masa Kini (Bersama) (1986); Kamus Istilah Islam (Usuluddin dan Falsafah Islam), (Bersama) Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka (1992), dan; Manusia dari Mana ke Mana (1985); Syarahan Perdana Profesor 1988 di UKM, Ahli Sunah Waljamaah: Pemahaman Semula.

Karakter Peribadi

Menurut Rakan Sekampung: Abdul Shukor sewaktu zaman kecil merupakan seorang yang cukup rapat dan akrab dengan ayah beliau, iaitu Haji Husin. Sewaktu kecil, Abdul Shukor sering mengikut ayah beliau untuk pergi berniaga dan mengajar di kelas-kelas agama. Hal ini menyebabkan Abdul Shukor menjadikan golongan dewasa serta orang tua sebagai rakan beliau (Mohammad, Zulkiple, Syahirah, Sapora & Hariza 2012: 46).

Menurut Ahli Keluarga: Abdul Shukor merupakan seorang yang cukup tenang dalam melaksanakan tugas dan beliau mempunyai keperibadian yang sangat simple. Beliau juga seorang yang mementingkan disiplin terutama sekali perkara yang melibatkan masa. Beliau akan memastikan setiap tugas atau kerja diselesaikan secara keseluruhan dan tidak hanya terhenti pada separuh jalan. Bagi Abdul Shukor, beliau sememangnya bertegas untuk tidak menangguhkan apa-apa kerja yang perlu disiapkan pada hari ini kepada hari esok (Mohammad, Zulkiple, Syahirah, Sapora & Hariza 2012: 46).

Keperibadian Abdul Shukor amat mengkagumkan kerana beliau merupakan seorang yang sangat rendah diri, bersikap low profile serta tidak suka kepada publisiti. Abdul Shukor akan cuba sedaya upaya untuk tidak memasyhurkan diri apabila ditemuramah oleh pihak media kerana beliau tidak ingin dikenali atas faktor populariti tetapi dikenali atas urusan kerja yang baik. Beliau juga tidak gemar mempamerkan ahli keluarga kepada pihak media serta amat keberatan untuk menerima pelawaan media yang melibatkan keluarga (Mohammad, Zulkiple, Syahirah, Sapora & Hariza 2012: 46). Abdul Shukor juga merupakan seorang yang sangat penyabar walaupun beliau dikenali dengan sikap tegas oleh ahli keluarga yang terdiri daripada isteri dan anak-anak. Beliau amat sukar untuk meninggikan suara atau menengking malah perasaan marah juga kurang ditonjolkan. Malah, Abdul Shukor melarang ahli keluarganya sendiri untuk memarahi seseorang yang tidak berkuasa untuk memarahi mereka (Mohammad, Zulkiple, Syahirah, Sapora & Hariza 2012: 46).

Kesimpulan

Berdasarkan biografi Abdul Shukor, dapat dilihat ketokohan dan kemahiran beliau dalam pelbagai bidang termasuk Akidah. Hal yang demikian kerana begitu banyak pengiktirafan yang dianugerahkan kepada beliau atas sumbangan yang telah diberikan. Abdul Shukor diberi kepercayaan untuk memegang pelbagai jawatan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa termasuklah selaku Pengerusi Jawatankuasa Fatwa di Malaysia. Abdul Shukor juga mempunyai latar pendidikan agama yang cukup baik dan beliau banyak menghabiskan masa untuk mempelajari ilmu Usuluddin sehingga mampu menghasilkan penulisan-penulisan karya yang dijadikan rujukan oleh para pengkaji. Berdasarkan pengalaman Abdul Shukor memegang pelbagai jawatan, beliau juga dijadikan sebagai pakar rujuk dalam hal-hal keagamaan.

Bibliografi

- Abdul Shukor Husin. 1993. *Ahli Salaf Menurut Perspektif Ulama' Kalam*. Dlm. Mohammed Yusof Husin (pnyt). *Isu-isu dalam Usuluddin dan Falsafah*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Shukor Husin. 2000. *Ahli Sunah Waljamaah: Pemahaman Semula*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Shukor Husin. 2003. *An-Nubuwwah bain Al-Mutakallimīn Wa Al-Falāsifah*. Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mohammad Haji Alias, Zulkiple Abd Ghani, Syahirah Abdul Shukor, Sapora Sipon & Hariza Mohd Yusof. 2012. *Dari Sungai Pahang ke Sungai Nil Menongkah Arus Meneraju Menara Gading Biografi Profesor Emeritus Tan Sri Dato" Dr. Abdul Shukor Hj. Husin*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Usim.

Abdul Shukor Husin. 2018. Temubual Khas dengan Tokoh Abdul Shukor Husin, Nilai. Temu bual, 19 Mac.